# Harga RMM ikut lokaliti, pendapatan isu rumah

BH ONLINE | Isnin, 28 Oktober 2019 | 6:25pm



Zuraida berkata, kerajaan peka dengan masalah ketidakmampuan rakyat memiliki rumah terutama RMM yang dikatakan berharga tinggi. - NSTP/Imran Makhzan

KUALA TERENGGANU: Harga rumah mampu milik (RMM) bagi projek baharu di seluruh negara akan berdasarkan faktor lokaliti dan pendapatan isi rumah di kawasan berkenaan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, berkata ini kerana kerajaan peka dengan masalah ketidakmampuan rakyat memiliki rumah terutama RMM yang dikatakan berharga tinggi.

Beliau menjelaskan kerajaan juga sudah pun merangka Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM) yang menjadi sub kepada Dasar Perumahan Negara (DRN) 2018-2025) untuk memastikan harga RMM munasabah dan mampu dimiliki rakyat.

"Dalam DRMM, kita akan pastikan harga rumah ini tidak lebih daripada tiga kali ganda daripada harga median kawasan itu. Kementerian akan mengikut dasar tiga kali ganda daripada pendapatan isi rumah di sesebuah kawasan dan itulah harga rumah yang sesuai untuk kemampuan pemilikan.

"DRMM akan mengawal harga RMM dari segi tempat dan lokaliti serta keadaan masyarakat setempat. Harga rumah di Kuala Lumpur sudah tentu berbeza dengan Kuala Terengganu. Malah, harga rumah antara daerah di sesebuah negeri pun berbeza," katanya kepada pemberita selepas melawat tapak KT Sentral di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas isu rumah kediaman di Malaysia yang dikategorikan sebagai 'sangat tidak mampu milik' mengikut piawaian antarabangsa.